

Oleh Redzuan
Muharam
redzuan.muharam@hmetro.com.my

POPULASI DI IBU KOTA MENINGKAT 2.25%

KL ada lebih 8.8j penghuni

Kuala Lumpur

Bandaraya Kuala Lumpur kini menampung populasi dianggarkan melebihi 8.8 juta orang dengan peningkatan tahunan sebanyak 2.25 peratus berbanding tahun lalu.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan) Dr Zaliha Mustafa, jumlah populasi dijangka terus bertambah mencecah 9.8 juta orang menjelang 2030.

Menurut Dr Zaliha, pertumbuhan yang pesat menuntut kerajaan khususnya melalui Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menjadi lebih proaktif dalam perancangan dan penyediaan infrastruktur.

“Pertumbuhan populasi

bukan saja membabitkan peningkatan semula jadi dalam kawasan bandar malah juga migrasi masuk yang tinggi dari luar bandar.

“Ia memberikan satu tekanan kepada infrastruktur sedia ada dan menuntut supaya kita menyediakan satu perkhidmatan asas yang lebih baik buat semua warga kota agar Kuala Lumpur menjadi sebuah bandar yang berdaya huni.

“Tidak dilupakan, isu seperti pencemaran udara dan kekurangan ruang hi-

jau antara kebimbangan utama yang perlu diatasi,” katanya ketika berucap pada Majlis Pelancaran Panduan Perancangan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 2024 di Menara DBKL 1 di sini, semalam.

Dr Zaliha berkata, dalam menghadapi semua cabaran itu, DBKL sebagai pihak berkuasa tempatan (PBT) perlu terus peka dengan keperluan dan kehendak ketika pembangunan di sini.

Beliau berkata, pengurusan bandar yang cekap amat diperlukan untuk memastikan kehidupan ber-

kualiti untuk semua.

“Setiap keputusan pembangunan perlu dibuat dengan pertimbangan yang wajar untuk memastikan keseimbangan di antara pembangunan dan kesejahteraan warga kota.

“Dalam usaha ini, saya difahamkan, DBKL sudah melaksanakan pelbagai inisiatif lebih proaktif seperti penyediaan Pelan Induk Masyarakat Rendah Karbon Kuala Lumpur 2030 dan Pelan Tindakan Iklim Kuala Lumpur 2050.

“Langkah itu menunjukkan komitmen DBKL ter-



Isu seperti pencemaran udara dan kekurangan ruang hijau antara kebimbangan utama yang perlu diatasi”

Dr Zaliha

hadap masa depan bandaraya ini yang lebih hijau dan mampan,” katanya.

Menurut Dr Zaliha, be-

liau turut difahamkan bahawa DBKL menghasilkan satu Panduan Teknikal Bangunan Rendah Karbon Kuala Lumpur hasil kerjasama dengan rakan strategik antarabangsa iaitu C40 Cities Climate Leadership Group.

“Ia juga secara tidak langsung menunjukkan usaha kita untuk mencapai pembangunan yang lebih lestari.

“Saya harap dengan adanya garis panduan, DBKL dapat dipandu lebih telus dan teliti serta dapat memastikan kehidupan yang lebih baik untuk generasi kini dan akan datang.

“Saya menyeru semua pihak termasuk pihak agensi kerajaan, pemaju, pemegang taruh dan orang awam, untuk memberikan kerjasama yang erat dan komitmen yang baik dalam memastikan garis panduan itu dimanfaatkan sepenuhnya,” katanya.